



SIARAN MEDIA

286 PREMIS DIKENAKAN TINDAKAN ATAS KESALAHAN BIAK DENGGI DAN KEBERSIHAN

Sehingga 30 September 2022 MPS telah melakukan pemeriksaan ke atas 286 premis di mana daripada jumlah tersebut 37 premis didapati mempunyai tempat pembiakan nyamuk aedes dan dikenakan tindakan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawaan Penyakit 1975. Manakala 242 premis dikenakan tindakan di bawah UUK Pelesenan Establisymen Makanan MPS 2007 dan UUK Pengendali Makanan MPS 2007 kerana tidak mematuhi tahap kebersihan yang digariskan oleh MPS.

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Gombak pula, sebanyak 2,697 kes denggi telah direkodkan di kawasan MPS dari Januari hingga September 2022.

Dalam pada itu, pada 29 September 2022 yang lepas sebuah pasar raya di Rawang telah diarahkan untuk memberhentikan sementara operasi perniagaan selepas hasil pemeriksaan menjumpai empat (4) tempat pembiakan nyamuk di sekitar lokasi premis tersebut. Hasil pengecaman larva nyamuk dari premis diperiksa mendapati kesemuanya positif nyamuk aedes. Lesen perniagaan pasar raya tersebut telah ditarik sementara dan pemilik diberi tempoh maksimum 14 hari untuk memastikan premis ini tidak lagi boleh membiakkan atau memberi perlindungan kepada serangga pembawa penyakit.

Selain arahan penutupan operasi, pemilik perniagaan juga telah dikenakan kompaun sebanyak RM500. Kesemua tindakan ini dilaksanakan di bawah Seksyen 8, Sub Seksyen 3 (aa) Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan) 2000.

MPS sekali lagi ingin mengingatkan kepada pemilik premis dan masyarakat di seluruh pentadbiran MPS agar memastikan kebersihan persekitaran selain tiada bekas atau tempat berpotensi pembiakan aedes ditinggalkan di persekitaran masing-masing.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang
30 September 2022